Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia



100 hari di bawah Mahathir

# Kita perlu lebih produktif

**SEHARI sebelum genap seratus hari Datuk Seri Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri Malaysia, beliau telah bersetuju mengadakan wawancara khas dengan wartawan-wartawan Berita Harian, New Straits Times, Utusan Melayu dan Bernama. Kami hidangkan beberapa petikan dari wawancara yang berlangsung selama dua jam itu, meliputi pelbagai bidang luar dan dalam negeri, politik, ekonomi, rasuah, sistem waktu, pembangunan material dan rohaniah, tegasnya intisari falsafah hidup pemimpin yang sedang menguasai masa depan kita bersama.**

SOAL: Sejauh manakah kebimbangan Datuk Seri terhadap kemelesetan ekonomi sekarang dan kesannya kepada kita? Hakikatnya ialah kita menjangka imbangan pembayaran yang berkurangan.

PM: Kita mesti sedar bahawa kita bermula dalam satu keadaan yang jauh lebih baik dari orang lain. Apa yang sedang berlaku ke atas kita sekarang, walaupun boleh disifatkan kurang memuaskan jika dibandingkan dengan prestasi sebelumnya, boleh juga disifatkan sebagai memuaskan jika dibanding dengan prestasi orang lain. Apa yang terjadi kepada kita hari ini pasti akan dialu-alukan oleh negara-negara lain.

Sebenarnya, kita tidak menunjukkan prestasi yang buruk, melainkan jika keadaan ini dibanding dengan rekod sebelumnya. Dulu kita mempunyai lebihan yang besar tetapi kini, kita mungkin mengalami satu kurangan pembayaran yang kecil. Mungkin juga, kita tidak akan mengalami kekurangan pembayaran sama sekali, kerana cara mereka menjalankan perakaunan, saya pun tidak tahu. Kepada saya, mungkin tidak akan terdapat kurangan pembayaran langsung.

Bagaimanapun, kesemuanya bergantung kepada Menteri Kewangan. Sekiranya beliau menunjukkan prestasi yang baik dalam konteks Malaysia, maka sudah pasti kita bimbang, tetapi tidak semestinya kita resah dan sedih mengenainya, kerana kita sedar bahawa apa yang perlu kita buat sekarang ialah berusaha lebih produktif. Dengan cara ini dapat kita atasi segala masalah yang ada.

SOAL: Untuk menjadi lebih produktif, tentulah perlu diadakan galakan tertentu, kadar peraturan tertentu... sama ada berapa banyakkah kita akan mengambil dari mereka?

PM: Rakyat perlu belajar memahami bahawa galakan-galakan tidak sewajarnya dijadikan asas sesuatu perkerjaan. Sebaliknya, mereka perlu memikirkannya dari segi ganjaran yang akan diperolehi.

Kalau kita berusaha pasti kita akan memperolehi sesuatu. Jangan pula kita beranggapan untuk mendapatkan sesuatu mestilah dengan jalan memudahkan dalam sesuatu usaha. Manamana negara yang bergantung kepada galakan-galakan untuk menjalankan sesuatu usaha, lambat laun akan gagal.

Sekiranya kita berusaha dengan gigih, saya pasti kita akan menerima ganjaran yang setimpal dengannya.

Malahan sudah menjadi satu hakikat bahawa gaji di negara ini telah bertambah, bukan sebagai galakan, tetapi kerana kita menunjukkan prestasi yang baik, kita memperolehi ganjaran yang lebih. Begitulah keadaannya.

SOAL: Adakah Kerajaan bercadang menimbang semula beberapa hal tertentu terutamanya yang melibatkan barangan dan perkhidmatan asing, khususnya dalam pertahanan di mana kita sedang dalam proses pembesaran, memandangkan 25 hingga 30 peratus belanjawan negara adalah untuk pertahanan dan beberapa kelengkapan pertahanan diimport...

PM: Kita mesti ingat bahawa kita telahpun meampukan perhatian terhadap perkara ini. Sebenarnya, adalah menjadi satu hakikat bahawa kita telahpun mengurangkan perbelanjaan untuk pertahanan jauh dari jumlah yang ditetapkan sebelumnya, dan saya yakin kita telahpun mengurangkan perbelanjaan ini seberapa banyak yang boleh tanpa menjejaskan keupayaan kita.

Kita berpendapat, kita masih boleh mengekalkan perbelanjaan untuk pertahanan ini sekurang-kurangnya dalam tahun 1982.

Cadangan seperti mengurangkan perbelanjaan Kerajaan di samping potongan dalam perbelanjaan Kerajaan pasti akan membawa kesan terhadap ekonomi. Kita sedar, bila kita mencurahkan wang Kerajaan ke dalam ekonomi, pasti ianya menyudkan kesan penggalak.

Oleh itu, kita tidak akan mengurangkannya melainkan kita dapati kita tidak dapat menyelesaikannya, dan kedua, melainkan kita mendapati bahawa sektor swasta telah berjalan lancar dan tidak lagi memerlukan bantuan sewajarnya.

SOAL: Bila Datuk Seri menyebut perbelanjaan pertahanan, adakah Datuk Seri maksudkan perbelanjaan mengurus ataupun perbelanjaan pembangunan?

PM: Ya, tetapi ini memakan masa beberapa tahun. Dan sekiranya berlaku, ini adalah seiring dengan perbelanjaan operasi, kerana bila kita mempunyai kelengkapanya, kita perlu mempunyai tenaga manusia untuk mengendalikannya. Dan oleh itu, perbelanjaan operasi akan sentiasa berkaitan dengan perbelanjaan modal, pembesaran import.

Tetapi, sekiranya kita memperlahankan perbelanjaan modal, pasti juga kita mengurangkan tindakan operasi dan sudah pasti membawa kesan kepada gunatenaga dan sebagainya.

SOAL: Adakah barang barang yang akan dibeli benar-benar diperlukan?

PM: Berdasarkan kajian kita, adalah perlu. Telah beberapa kali kita mengkaji hal ini. Dan adalah menjadi hakikat bahawa kita sering membuat kajian sebelum mengambil sesuatu keputusan mengenainya.

Kita tidaklah terlalu besar. Kita hanya mempunyai pasukan tentera yang jitu dan sungguh cekap. Apa yang kita cadangkan ialah untuk menambahkan keupayaannya, tidak lebih dari itu. Kita tidaklah berhajat untuk membangunkan pasukan tentera sebagai kebanggaan sahaja.

SOAL: Apakah yang Datuk Seri harapkan untuk dicapai oleh pentadbiran di bawah pimpinan Datuk Seri sendiri sebelum bercadang untuk sesuatu yang lain? Apakah yang Datuk Seri anggap sebagai cabaran terbesar dan apakah pula kejayaan terbesar setakat ini?

PM: Kepada saya, perkara yang terpenting setakat ialah cuba mencari jalan bagaimanakah caranya untuk menggalakkan rakyat Malaysia.

Dan sekiranya ada lagi perkara yang saya rasa ingin lihat sebelum saya bersara, adalah perubahan sikap rakyat Malaysia yang akan menjadikan mereka lebih berdikari, lebih produktif dan lebih berkeupayaan memandangkan haknya di negara ini.

Saya tidak boleh meramalkan sambong dalam perkara ini, saya mempunyai objektif-objektif yang terhad.

SOAL: Datuk Seri meminta rakyat memberikan pemerintahan Datuk Seri selama setahun sahaja untuk membuktikan hasilnya. Pada pendapat saya, laporan-laporan mengenai hasil yang telah ditunjukkan kepada rakyat mungkin Datuk Seri sendiri sengaja mahu memerlukan masa untuk membuktikannya. Adakah Datuk Seri mengharapkan rakyat untuk menimbang tentang Datuk Seri. Dapatkan cara bagaimana?

PM: Anda ada persoalan soalan yang cukup. Anda sekarang mempersoalkan bagaimana saya menerima saya. Sesungguhnya saya tidak tahu. Pada pendapat saya, cara yang terbaik ialah bila kita mengadakan pilihanraya. Jika saya disingkir ini seperti saya tidak berjaya membuktikan hasil-hasil itu.

Sekiranya saya diterkalah dan mendapat sokongan rakyat, yang boleh dibuktikan dalam berbagai cara, saya fikir itulah caranya rakyat mengiktiraf kebenaran polisi yang saya jalankan. Saya tidak akan berterusan dalam Kerajaan lebih lama dari yang dikehendaki oleh rakyat. Jika saya rasa saya tidak dikehendaki, saya tidak mempunyai sebarang masalah untuk kembali ke profesion perubatan saya.

SOAL: Berbalik kepada kenyataan Datuk nak 'motivate' supaya berubah fikiran rakyat mahu berkerja keras, jadi dengan adanya pilihanraya, mungkin yang akan datang ini, adakah Datuk merancang hendak mengadakan perubahan yang besar kepada Wakil-wakil Rakyat Barisan Nasional supaya ada tenaga baru yang boleh diwujudkan untuk menggerakkan, kerana mungkin setengah yang ada sekarang ini tak boleh dimotivatekan lagi.

PM: Ini kita tak boleh cakap awal-awal sangat. Kalau cakap awal, masing-masing nanti buat macam-macam angkara nak tentukan supaya dia dapat jadi calon. Sebab Wakil Rakyat yang lama dah nak pergi. Itu semua tak boleh cakap. Saya tidak akan menegaskan lebih dari ini.

SOAL: Baru-baru ini Datuk ada arahkan ditubuh sebuah jawatankuasa untuk mengkaji penubuhan Bank Islam di Malaysia. Apakah ini satu pendekatan baru yang akan kita gunakan untuk mengatasi cabaran-cabaran ekonomi yang kita hadapi.

PM: Ini bukan pendekatan baru. Sebenarnya kita rancang ini dah lama. Daripada Tunku lagi telah bercakap tentang Bank Islam.

Yang menjadi masalah ialah seluruh dunia ini menggunakan sistem yang berbeza daripada sistem Islam. Jadi dalam konteks ini kita tidak boleh terburu-buru membuat sesuatu.

Kita mesti kaji supaya tak berlaku kegagalan. Ini akan 'set-back' kejayaan sistem Islam lebih lama lagi. Jadi, percubaan pertama kita ini mestilah mencapai kejayaan sebab itu perlu dikaji dengan mendalam.

Dalam perkara ini, kita dapati bahawa ada kumpulan-kumpulan daripada Arab Saudi, terutama Putera Mohamed, yang mempunyai bermacam idea berkenaan dengan Bank Islam.

Sebab itu kita sedang berusaha dengan kumpulan ini untuk memboleh Bank Islam dalam peringkat yang sederhana, supaya dapat kita menjalankan dengan cara yang berkesan, menunjukkan bahawa sistem Bank Islam boleh bergerak dalam dunia moden ini.

● SAAT-saat menerima kuasa dari bekas Perdana Menteri Tun Hussein Onn.